

Kehamilan Luar Nikah dari Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Pengawalannya melalui Program Pencegahan

(Out-of-Wedlock Pregnancy from Malaysian Shariah Criminal Law Perspectives and Its Control through Prevention Program)

ADIBAH BAHORI
SITI ZUBAIDAH ISMAIL

ABSTRAK

Kehamilan luar nikah adalah merupakan isu yang dihadapi oleh masyarakat global merentasi batas agama, bangsa, warna kulit dan lapisan umur. Kehamilan luar nikah bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia, bahkan masalah sosial yang dibimbangi ini turut dihadapi oleh negara-negara membangun. Tidak ada data atau perangkaan mengenai perbuatan zina kerana tidak mungkin pesalah akan tampil mengakui perbuatan mereka melainkan ada saksi. Walau bagaimanapun, data mengenai kehamilan luar nikah menjadi indikator penting tentang zina. Selain daripada faktor-faktor yang berlaku di luar kawalan seperti jenayah rogol, kehamilan dan kelahiran anak luar nikah mempunyai kaitan rapat dengan hubungan seks yang berlaku secara sukarela. Tidak semua negeri mempunyai peruntukan kesalahan hamil luar nikah. Artikel ini bertujuan menganalisis peruntukan undang-undang jenayah Syariah bagi kesalahan hamil luar nikah. Aspek yang dianalisis ialah peruntukan, elemen kesalahan dan hukuman di bawah Enakmen/Akta Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan dengan merujuk Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri, jurnal-jurnal terpilih dan dokumentasi yang dijalankan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Putrajaya. Dalam menghadapi realiti ini, undang-undang yang cukup berkesan diperlukan serta pendekatan hukuman alternatif bagi pesalah hamil luar nikah dilihat mampu memberi kesan yang positif kepada pesalah di samping memperkasakan program pencegahan dalam membendung gejala ini.

Kata Kunci: Hamil luar nikah; salah laku seksual; Undang-undang Jenayah Syariah; program pencegahan; hukuman alternatif

ABSTRACT

Out-of-wedlock Pregnancy is an issue faced by the global society which transgresses religious, racial, skin and age boundaries. It does not merely occur within the Malaysian society, but the worrying social ill is faced by other developing countries. There is no available data or statistic on the offence of adultery as it is almost impossible for the offender to admit his unless witnesses are available. However data on out-of-wedlock pregnancy becomes a crucial indicator on commission of adultery. Apart from uncontrollable factors such rape, out-of-wedlock pregnancy and birth of illegitimate children are closely connected with voluntary sexual inter-course. Not all state has provisions on the offence of pregnancy out of wedlock. This article aims to analyse on provision of Shariah criminal law for the offence of pregnancy out of wedlock. The aspect that being analysed are legal provision, element of offence and sentences under the enactmen/act of Shariah Criminal Offences in the states of Malaysia. This research applies qualitative method through a content analysis framework by referring to Act/Enactment of Shariah Criminal Offences in the states, selected journals and documentation conducted at the Department of Shariah Judiciary Malaysia of Putrajaya. In facing the reality, efficient law is needed and also the approach of alternative sentences for offenders of pregnancy out of wedlock. Such controlled method seem capable of giving positive effects to offender besides to empower prevention program in order to overcome this symptoms.

Keywords: Pregnancy out of wedlock; sexual misconduct; Shariah Criminal Law; prevention program; alternative sentences

PENGENALAN

Isu kehamilan luar nikah dalam kalangan orang Islam bukanlah suatu perkara yang baharu. Di Malaysia, bilangan wanita atau gadis hamil sebelum nikah meningkat sejak tahun 2000.¹ Dalam konteks Islam, penyaluran kehendak seks yang menyeleweng akan membawa kepada kekacauan keturunan, keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat, peningkatan kadar individu yang mengalami tekanan (*stress*), pergaduhan, tersebarnya penyakit berjangkit² serta berleluasanya perlakuan tidak bermoral ini dirujuk sebagai perzinaan. Zina dalam Islam bukan sahaja dianggap sebagai satu perbuatan dosa besar, bahkan menjadi titik tolak kepada berlakunya pelbagai perlakuan lain yang lebih serius. Oleh itu, hukuman yang berat selayaknya dikenakan ke atas pesalah zina. Jika tidak, ia akan membawa implikasi yang buruk seperti keruntuhan institusi keluarga dan penularan pelbagai jenis penyakit fizikal mahupun rohani.³

Kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan diperuntukkan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. Bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap kepada hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 atau rotan tidak melebihi enam kali sebatan (yang sering disebut sebagai bidang kuasa 3,5,6 ini). Peruntukan maksimum hukuman tersebut sering kali dipersoalkan kerana dilihat gagal memberikan impak positif sama ada kepada pesalah mahupun kepada masyarakat. Peruntukan berkaitan hamil luar nikah telah dinyatakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Namun kesalahan tersebut hanya diperuntukkan di beberapa buah negeri sahaja. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini pendakwaan terhadap mereka yang hamil luar nikah dibuat di Mahkamah Syariah masih kecil bilangannya jika dibandingkan dengan kadar atau jumlah kelahiran anak luar nikah dan jenayah buang bayi di Malaysia.

Kegawatan ini telah menggesa kerajaan dan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melakukan pelbagai usaha bagi mencegah, mengurangkan isu kehamilan dan kelahiran anak tidak sah taraf di Malaysia. Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melalui program ibu tunggal seperti Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), program intervensi di bawah (NGO) seperti Orphan Care iaitu dengan mewujudkan “Baby Hatch”, sebagai tempat untuk meninggalkan bayi yang tidak diinginkan. Selain itu, terdapat juga usaha daripada NGO yang mengadakan kempen “Anda Bijak Jauhi Zina” yang dipelopori oleh pengasas Raudatus Sakinah,⁴ kempen kesihatan reproduksi, pendidikan seks⁵ dan pelbagai lagi. Sungguhpun demikian, intervensi perundangan dilihat masih kurang diadakan, apatah lagi memberi kesan kepada kumpulan sasaran yang terdedah kepada perbuatan-perbuatan yang boleh mendorong ke arah perbuatan zina yang dikenal pasti sebagai punca utama kehamilan dan kelahiran anak tidak sah taraf serta jenayah buang bayi di Malaysia.

Ahli akademik yang menulis tentang isu berkaitan moral dan akhlak di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah banyak memfokuskan kepada aspek kesalahan khalwat, perbuatan tidak sopan, isu bidang kuasa, ketidakseragaman dan keberkesanan. Adapun kajian berkaitan isu hamil luar nikah banyak menyentuh intervensi keluarga, perlindungan, modul keagamaan, kebajikan serta pemulihan terapeutik bagi remaja hamil luar nikah.⁶ Namun, permasalahan dari sudut perundangan secara menyeluruh menurut kerangka undang-undang Syariah bagi kesalahan hamil luar nikah masih kurang dibincangkan. Penulisan makalah ini akan mengkaji tentang

peruntukan undang-undang jenayah Syariah di samping menjelaskan program-program sosial yang turut sama diadakan dalam membendung gejala ini.

DEFINISI HAMIL LUAR NIKAH

Hamil luar nikah bermaksud mengandung disebabkan hubungan seks antara lelaki dengan perempuan di luar hubungan yang sah dari segi agama dan undang-undang negara.⁷ Kesalahan ini bermakna, mana-mana perempuan yang didapati telah hamil tanpa pernikahan yang sah di sisi hukum syarak, adalah secara jelas telah melakukan satu kesalahan dengan sendirinya. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa kehamilan juga mungkin berlaku akibat dirogol. Dalam keadaan ini, pembuktian terletak di atas bahu wanita yang hamil itu.⁸ Istilah seks luar nikah lebih dikaitkan dengan konteks keagamaan. Contohnya,⁹ kajian-kajian menunjukkan istilah ini lebih difahami oleh remaja yang beragama Islam dan Kristian. Walau bagaimanapun, secara amalnya, kesedaran tentang risiko akibat seks luar nikah ini ditekankan oleh semua agama kerana seks luar nikah boleh menyebabkan pelbagai masalah sosial yang lain seperti kehamilan luar nikah, pengguguran dan pembuangan bayi.

SENARIO SALAH LAKU SEKSUAL DAN KEHAMILAN LUAR NIKAH

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa usia penglibatan remaja dalam tingkah laku seks berisiko kini semakin awal iaitu bermula sejak kanak-kanak lagi. Ramai dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di negara-negara membangun didapati terlibat dengan hubungan seks sebelum umur mereka 15 tahun.¹⁰ Penglibatan remaja dalam aktiviti seksual pada usia yang muda boleh menyebabkan kemudaratan kepada emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak¹¹ terutama kepada kanak-kanak atau remaja perempuan.¹² Di Malaysia, lebih 300 orang kanak-kanak dan remaja Melayu, 13 hingga 25 tahun didapati terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas sehingga menyebabkan kehamilan dan melakukan pengguguran janin.¹³ Dalam laporan kajian Durex & Durex, www.durex.com, Malaysia dikategorikan sebagai negara yang mengamalkan seks luar nikah dalam kalangan remaja dengan purata 62 kali setahun (kajian 2003) dan 86 kali setahun (kajian 2004) berbanding dengan Jepun yang hanya 37 kali setahun (2001).

Data yang direkodkan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bermula tahun 2005 hingga 2011 telah menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat keempat daripada 10 negara berkaitan kehamilan remaja berusia antara 15 hingga 19 tahun. Pada masa yang sama, Malaysia turut menghadapi dilema sosial yang melibatkan peningkatan kes kelahiran anak tidak sah taraf dan pembuangan bayi. Purata sebanyak 100 orang bayi dibuang di Malaysia setiap tahun dan kebanyakannya telah mati apabila ditemui.¹⁴ Senario ini mewujudkan kebimbangan kepada semua pihak sehingga kerajaan Malaysia bersama NGO iaitu Orphan Care mewujudkan Pusat Perlindungan Bayi yang tidak diingini (*Baby Hatch*) pada tahun 2010. Walaupun kesilapan sebegini tidak diletakkan kepada kumpulan remaja seratus peratus, namun statistik menunjukkan bahawa kumpulan ini turut sama banyak menyumbang kepada pengguguran janin dan pembuangan bayi.

PERANGKAAN KES KEHAMILAN DAN KELAHIRAN ANAK LUAR NIKAH DI MALAYSIA

Di Malaysia, perangkaan anak tidak sah taraf daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2010 hingga 2015 telah mencatatkan sebanyak 323,047 kes. Malah, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd. Dun ketika sesi soal jawab di Parlimen pada 16 November 2016 turut menjelaskan bahawa bilangan kes kehamilan remaja yang belum berkahwin dari tahun 2012 hingga 2015 adalah sebanyak 16,270 orang.¹⁵ Selain itu, statistik kes pembuangan bayi yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 906 kes dicatatkan dari tahun 2005 hingga 2015 dan perangkaan ini tidak termasuk kes yang tidak dilaporkan dan pengguguran bayi.

Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2016 telah mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia antara 10 hingga 19 tahun mengandungi anak luar nikah. Ia telah merekodkan lima negeri yang mencatatkan kes kehamilan remaja tertinggi iaitu Sabah dengan jumlah 3,084 kes, diikuti Sarawak (2,910), Selangor (1,461), Johor (1,319) dan Pahang, sebanyak 940 kes. Manakala Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia turut melaporkan 18,000 remaja hamil mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan kerajaan dalam setahun bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Daripada jumlah itu, sebanyak 25 peratus (kira-kira 4,500 kes) membabitkan remaja yang mengandungi luar nikah. Secara purata, terdapat 1,500 kes remaja hamil setiap bulan dan 50 kes sehari di seluruh negara.¹⁶ Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr. Rose Lena Lazemi mendakwa bahawa fakta tersebut jelas menunjukkan bahawa pengetahuan tentang kesihatan seksual reproduktif dalam kalangan remaja di negara ini masih rendah. Menurut beliau juga, kurangnya kesedaran tentang pengetahuan seks turut menjadi penyebab utama statistik rogol semakin meningkat apabila PDRM melaporkan bahawa 93.5 peratus mangsa daripada 12,473 kes sejak 2011 hingga Jun 2015 ialah remaja berumur 13 hingga 18 tahun.

Laporan rasmi JPN sejak tahun 2008 hingga 2012 telah mendedahkan bahawa terdapat kira-kira 167,073 bayi yang direkodkan kelahirannya tanpa maklumat bapa, manakala jumlah wanita hamil luar nikah yang ditempatkan di pusat pemulihan semakin meningkat dari masa ke masa.¹⁷ Ini bermakna secara purata, sejumlah 33,415 bayi dilahirkan dalam tempoh setahun, 2,784 bayi (sebulan), 93 bayi (sehari) dan empat bayi (sejam). Statistik itu dijangka lebih tinggi jika mengambil kes yang membabitkan pengguguran haram atau pembuangan bayi yang dipaparkan tetapi tidak direkodkan.¹⁸

Peningkatan statistik kelahiran anak tidak sah taraf membuktikan bahawa Malaysia sedang mengalami krisis akhlak yang sangat serius dan perlu ditangani segera. Kelahiran anak tidak sah taraf merupakan kesalahan paling serius berhubung akhlak kerana ia telah merosakkan nasab dan bertentangan dengan ajaran Islam dalam proses mengembangkan zuriat. Kelahiran anak tak sah taraf juga turut menyumbang kepada perbuatan jenayah lain seperti buang bayi. Di Malaysia, kes-kes kehamilan luar nikah merupakan punca utama kepada kes pembuangan bayi. Hal ini disokong oleh Lukman Z. Mohamad¹⁹ yang menunjukkan bahawa 90% status bayi luar nikah menjadi faktor utama bayi dibuang.

Dalam kalangan orang Melayu/Islam anak-anak yang tak sah taraf juga termasuklah bayi yang lahir kurang enam bulan dari tarikh pernikahan ibu bapanya. Bagi pasangan bukan Islam, kebanyakan kes merujuk anak dilahirkan sebelum tarikh pendaftaran perkahwinan atau anak yang tidak mempunyai bapa. Adalah suatu andaian yang logik apabila perbuatan zina, hamil luar nikah dan kelahiran bayi yang tidak dikehendaki menjadi tiga faktor yang relevan kepada pembuangan bayi.²⁰

PERUNTUKAN HAMIL LUAR NIKAH DI BAWAH ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH MALAYSIA: SUATU ANALISIS

Peruntukan berkaitan kesalahan zina, persetubuhan luar nikah dan hamil luar nikah mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan menjadi punca utama kelahiran anak tidak sah taraf di Malaysia. Bukan semua negeri mempunyai peruntukan kesalahan hamil luar nikah. Seseorang boleh dianggap hamil luar nikah sekiranya melahirkan bayi kurang daripada enam bulan, walaupun mereka telah pun berkahwin pada waktu tersebut. Seksyen 15 Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991 menjelaskan bahawa:

- (1) Mana-mana orang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah tidak termasuk persetubuhan syubhah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- (2) Mana-mana perempuan yang melahirkan anak yang penuh sifat kurang daripada enam bulan hijrah selepas dia berkahwin tidak termasuk persetubuhan syubhah boleh disifatkan sebagai melahirkan anak di luar nikah.
- (3) Beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuhi dengan cara syubhah atau sebagainya atau berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak adalah terletak di atas perempuan itu.
- (4) Seksyen 112 Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai bagi maksud seksyen ini.

Di Pahang, Seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pahang) 2013 memperuntukkan:

- (1) Mana-mana perempuan yang hamil atau melahirkan anak tanpa pernikahan yang sah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (2) Mana-mana lelaki yang menyebabkan mana-mana perempuan hamil luar nikah atau melahirkan anak tanpa pernikahan yang sah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum menurut peruntukan subseksyen (1).

Di Melaka pula, Seksyen 54 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 memperuntukkan:

Seseorang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah adalah merupakan suatu kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala Seksyen 75 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (Pindaan 2004) bagi kesalahan hamil luar nikah memperuntukkan seperti berikut:

- (1) Seseorang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan bayi di luar nikah akibat dari persetubuhan haram yang dilakukan dengan kerelaannya dan kesedarannya adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- (2) Seseorang perempuan yang melahirkan seorang bayi yang penuh sifat dalam masa enam bulan selepas dia berkahwin hendaklah disifatkan sebagai melahirkan anak di luar nikah:
Dengan syarat bahawa beban membuktikan seorang perempuan itu telah melakukan persetubuhan cara syubhat atau telah berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak adalah terletak di atas perempuan itu.

Peruntukan seperti ini juga terdapat di Negeri Perak.²¹

Di Kelantan, Seksyen 16 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 memperuntukkan:

- (1) Seseorang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- (2) Seseorang perempuan yang melahirkan anak yang penuh sifat dalam masa enam bulan selepas dia berkahwin boleh disifatkan sebagai melahirkan anak di luar nikah.
- (3) Beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuhi dengan cara syubhat atau sebagainya atau berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak adalah terletak di atas perempuan itu.
- (4) Seksyen 112 Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai bagi maksud seksyen ini.

Di Sabah, Seksyen 79 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 memperuntukkan:

- (1) Sesiapa perempuan didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah adalah bersalah atas satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.
- (2) Seseorang perempuan yang melahirkan seorang anak penuh sifat kurang daripada enam bulan selepas dia berkahwin boleh disifatkan sebagai anak di luar nikah.
- (3) Beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuhi dengan cara syubhat atau sebagainya atau berkahwin dalam jangka masa yang boleh diterima menurut Hukum Syarak adalah terletak atas perempuan.

Walaupun tiada peruntukan berkaitan kesalahan hamil luar nikah di negeri Selangor, namun Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menubuhkan pusat pemulihan,²² iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam khusus untuk pesalah wanita yang disabitkan dengan kesalahan tatasusila, termasuklah wanita yang didapati hamil luar nikah.²³ Bentuk hukuman yang dibuat melalui perintah pemulihan seperti ini merupakan suatu pendekatan yang baik dan amat penting dalam usaha untuk menimbulkan rasa keinsafan dan kesedaran diri yang tinggi dalam kalangan pesalah-pesalah agar tidak mengulangi lagi kesalahan tersebut.

Elemen utama kesalahan ini ialah fakta bahawa kehamilan seseorang perempuan itu berlaku tanpa nikah dan bukan akibat pemerkosaan. Seseorang perempuan yang didapati hamil

tanpa suami dan tanpa nikah yang sah di sisi Syarak adalah dengan sendirinya dianggap melakukan kesalahan ini. Jika wanita berkenaan ingin menyatakan bahawa kehamilan berlaku akibat dirogol atau persetubuhan syubhah, maka beban bukti adalah terletak ke atasnya. Disebabkan kehamilan luar nikah berkait secara langsung dengan perlakuan persetubuhan haram atau persetubuhan luar nikah, maka penulis mendapati sesetengah negeri yang memperuntukkan kesalahan tersebut tidak lagi memperuntukkan kesalahan hamil luar nikah. Hal ini menyebabkan pendakwaan tidak boleh dibuat sekiranya pesalah yang melakukan persetubuhan luar nikah telah didapati hamil. Di Negeri Sembilan,²⁴ didapati kedua-dua kesalahan iaitu persetubuhan haram dan hamil luar nikah diperuntukkan di negeri tersebut, dan hal ini adalah memadai. Penulis berpandangan bahawa wujud keperluan untuk menyeragamkan peruntukan bagi kedua-dua kesalahan ini iaitu persetubuhan haram dan hamil luar nikah di setiap negeri supaya kesalahan tersebut boleh didakwa di bawah peruntukan enakmen negeri-negeri sama ada wujud kehamilan ataupun tidak.

HUKUMAN BAGI KESALAHAN HAMIL LUAR NIKAH DI BAWAH ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH MALAYSIA

Di Pahang, Seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pahang) 2013 ada memperuntukkan hukuman bagi kesalahan hamil atau melahirkan anak luar nikah, iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Di Perlis, Seksyen 15 Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan ini.

Di Melaka pula, Seksyen 54 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi daripada tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali. Di Perak, Seksyen 50 Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Peruntukan ini juga terdapat di Negeri Sembilan²⁵ dan Kelantan.²⁶ Di Sabah, Seksyen 79 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan ini.²⁷

Dalam kes *Nooraini Abdul Majid lwn Pendakwa Syarie Negeri Melaka*,²⁸ tertuduh Nooraini Abdul Majid telah dituduh hamil luar nikah iaitu satu kesalahan di bawah seksyen 54 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Melaka 1991. Dia telah mengaku salah atas kesalahan tersebut. Mahkamah Rendah Syariah telah mengenakan hukuman penjara selama 24 bulan dan denda sebanyak RM3,000.00. Walau bagaimanapun, tertuduh membuat rayuan agar diringkaskan hukuman. Mahkamah Tinggi Syariah telah menerima rayuan tersebut dan menggugurkan hukuman penjara dan mengekalkan hukuman denda sahaja. Hakim Mohamad Abdullah, menjelaskan:

Kes yang dirayu ini adalah bukan kes hudud tetapi adalah kes takzir sahaja. Tidak sepatutnya pendakwa syarie dalam hujah balas rayuannya, OKT dan hakim bicara dalam alasan penghakiman mereka merujuk kes

ini kepada dalil al-Quran dan hadis berkaitan hukuman hudud. Oleh itu, saya bersetuju dengan alasan rayuan perayu bahawa mahkamah ini tidak mempunyai kuasa mensabitkan dan menghukum hukum hudud dan mahkamah ini belum lagi diperuntukkan dengan sebarang undang-undang hudud. Walaupun pertuduhan yang dibentangkan oleh pendakwa adalah cacat, tetapi pertuduhan itu juga membawa makna bahawa perayu pernah hamil tanpa nikah. Fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwa memberi maksud bahawa hamil tanpa nikah disebabkan persetubuhan. Wakil perayu yang bijaksana dalam hujah bertulis, merayu dan dikemukakan secara lisan dalam mahkamah yang mulia ini mengeneipkan keputusan hakim bicara sebaliknya mengenakan hukuman denda beserta amaran keras manakala hukuman penjara dibatalkan. Dalam hujahan bertulis itu juga secara lisan di dalam mahkamah wakil perayu berpendapat hukuman maksima yang dikenakan adalah terlalu tinggi dan keterlaluan bagi satu kesalahan pertama. Selanjutnya wakil perayu menyatakan, “begitu juga faktor taubat di mana perayu sekarang menjalani kehidupan berkeluarga yang sihat dan harmoni seharusnya diberi perhatian.”

Hakikatnya, pendakwaan di Mahkamah Syariah terhadap kesalahan hamil luar nikah adalah sangat sedikit berbanding perangkaan kelahiran anak tidak sah taraf. Berdasarkan kepada kes-kes yang ada, hanya beberapa peruntukan sahaja yang lebih kerap digunakan seperti persetubuhan luar nikah berbanding kesalahan hamil luar nikah. Berdasarkan statistik, tangkapan kes khalwat di Negeri Selangor sahaja menunjukkan angka yang tertinggi bermula 1 Januari 2013 sehingga 2 Oktober 2017, iaitu berjumlah 5249²⁹ mengatasi kes-kes lain berkaitan tatasusila di seluruh negeri-negeri di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa sekiranya kesalahan khalwat tidak dicegah secara bersungguh-sungguh di peringkat penguatkuasaan dan tangkapan, maka ia akan mencetuskan implikasi yang lebih serius. Implikasi tersebut semestinya membawa kepada kes zina, persetubuhan luar nikah dan hamil luar nikah, seterusnya membawa kepada lambakan kelahiran anak tidak sah taraf serta pembuangan bayi di Malaysia. Berikut adalah statistik kes hamil luar nikah dalam tempoh lima tahun terkini bermula 2013-2017.

JADUAL 1. Kes Hamil Luar Nikah (1 Januari 2013-2 Oktober 2017)³⁰

Negeri	Hamil Luar nikah					Sub-Jumlah
	2013	2014	2015	2016	2017	
Kelantan	2	4	7	12	38	63
Melaka	109	37	214	132	89	581
Negeri Sembilan	12	25	14	--	1	52
Pahang	--	--	--	--	--	--
Perak	33	54	83	205	48	423
Perlis	--	1	--	--	--	1
Sabah	--	2	1	--	1	4
Jumlah	156	123	319	349	177	1124

Statistik di atas menunjukkan kesalahan hamil luar nikah bagi negeri-negeri yang terdapat peruntukan kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Malaysia. Antara negeri yang memperuntukkan kesalahan tersebut ialah Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis dan Sabah. Negeri Melaka menunjukkan angka tertinggi iaitu 581 kes berbanding negeri-negeri lain. Manakala Pahang tiada kes dicatatkan serta beberapa negeri seperti Perlis dan Sabah masing-masing mencatatkan 1 kes dan 4 kes dalam tempoh lima tahun tersebut. Data yang ditunjukkan adalah sangat penting dalam membincangkan isu penguatkuasaan dan pendakwaan bagi kes hamil luar nikah di Mahkamah Syariah di Malaysia.

Persoalannya, cukupkah peruntukan undang-undang Syariah yang sedia ada di Malaysia terhadap penguatkuasaan kesalahan hamil luar nikah? Berdasarkan temu bual yang dijalankan oleh penulis, Tuan Muhamad Helmi bin Md Said, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Dasar Penyelidikan Jabatan Kehakiman Syariah Putrajaya menjelaskan bahawa “peruntukan yang ada di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah berkaitan kesalahan ini mencukupi...undang-undang yang ada cukup... tangkapan yang dibuat banyak..., cuma bagaimana hendak sampai kepada kaedah pembuktian sehingga kesalahan sabit di Mahkamah Syariah perlu dimantapkan”. Dapatan ini juga menjelaskan bahawa berkemungkinan fokus tidak diberikan kepada kes berkenaan di beberapa negeri. Perkara ini perlu dilihat secara serius di semua bahagian sama ada penguatkuasaan dan pendakwaan. Hal ini bagi membendung lambakan anak tidak sah taraf di Malaysia dan dalam usaha memulihkan pesalah tersebut.

Begitu juga dalam membincangkan isu hamil luar nikah, sering kali kaum wanita didakwa di mahkamah berdasarkan kepada bukti kehamilan tanpa pernikahan, manakala pesalah lelaki yang menyebabkan kehamilan dilihat kebanyakannya gagal didakwa. Penentuan hukuman sebat rotan pada awalnya telah digantikan dengan hukuman perintah khidmat masyarakat. Senario ini menggambarkan bahawa hukuman sebat rotan jarang menjadi pilihan Hakim untuk dilaksanakannya ke atas pesalah Syariah. Antara alasan lazim mengapa hukuman ini tidak dilaksanakan oleh hakim termasuklah kesalahan kali pertama, umur pesalah, keseriusan kesalahan, ketiadaan prasarana dan kemudahan sebat rotan.³¹ Persoalannya, adakah hukuman yang diperuntukkan tersebut memadai dan berkesan untuk memberikan pengajaran kepada pesalah atau berupaya mencegah masyarakat daripada terlibat dengan kesalahan-kesalahan jenayah syariah terutama bagi kesalahan yang melibatkan hamil luar nikah?

Meskipun bentuk-bentuk hukuman telah diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang, namun kadar hukuman sedia ada masih perlu dibincangkan. Misalnya penelitian Anita Abdul Rahim et al. mendapati kebanyakan hukuman yang telah dijatuhkan bagi kesalahan seksual oleh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2005 sehingga 2010 masih tidak konsisten ke atas setiap pesalah, selain dianggap ringan serta tidak setimpal dan tidak pernah mencapai kadar hukuman maksimum selaras dengan Akta Persekutuan iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984 iaitu penjara tiga tahun, atau denda RM5000, atau enam kali sebatan, atau mana-mana kombinasi daripada ketiga-tiga hukuman tersebut. Oleh itu, hukuman tersebut tidak cukup memberikan pengajaran kepada pesalah.³²

Berdasarkan hujah tersebut, jelas menunjukkan bahawa hukuman yang diperuntukkan oleh Mahkamah Syariah ini masih mempunyai kelompangan yang perlu ditambah baik kerana hukuman tersebut kurang memberikan kesan dalam memulihkan pesalah. Dalam keadaan ini, pihak Mahkamah Syariah perlu kepada hukuman alternatif agar objektif penghukuman dapat dicapai sesuai dengan kesalahan yang dilakukan. Walaupun demikian, hakim syarie mempunyai beberapa ruang peruntukan untuk melaksanakan hukuman lain³³ selain hukuman tersebut dengan menggunakan kuasa budi bicara yang telah digariskan. Merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, hakim diberi kuasa budi bicara dalam memperuntukkan hukuman terhadap pesalah kali pertama, pesalah wanita atas kesalahan tatasusila, pengakuan salah menafikan rayuan, mitigasi, pesalah muda atau kanak-kanak, sabitan terdahulu dan semakan semula pada peringkat rayuan. Kesan peruntukan tersebut telah memberikan ruang kepada hakim untuk meringankan hukuman sedia ada atau menggantikannya dengan hukuman lain. Hukuman lain

yang dimaksudkan ialah hukuman alternatif seperti “pelepasan selepas teguran wajar”, bon berkelakuan baik, perintah pemulihan dan mungkin juga boleh dimuatkan dengan hukuman perintah khidmat masyarakat. Oleh itu, setiap hukuman yang berada di bawah budi bicara hakim tersebut dapat dikategorikan sebagai bentuk hukuman alternatif. Dengan kata lain, hakim mempunyai kuasa untuk menentukan kaedah lain dalam memutuskan suatu penghukuman selagi tidak melebihi had maksimum hukuman yang ditetapkan oleh Akta Mahkamah Syariah.

Perintah pemulihan ialah salah satu bentuk hukuman yang selaras dengan prinsip asas dan objektif hukuman dalam Islam. Ia bertujuan menjaga masalah manusia dan merupakan suatu bentuk hukuman yang bukan hanya dapat menghukum pesalah tetapi merupakan suatu bentuk pendidikan dan proses *tarbiyyah* diri. Pendekatan dan bentuk hukuman takzir yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah pada masa kini perlu dipelbagaikan lagi sesuai dengan perubahan zaman yang menuntut kepada kepelbagaian mekanisme dalam mencapai keadilan.³⁵ Bentuk hukuman yang dibuat melalui perintah pemulihan seperti ini merupakan suatu pendekatan yang baik dan amat penting dalam usaha untuk menimbulkan rasa keinsafan dan kesedaran diri yang tinggi dalam kalangan pesalah-pesalah supaya tidak lagi mengulangi kesalahan tersebut. Perintah pemulihan ini ialah suatu perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah sebagai suatu hukuman alternatif atau tambahan kepada hukuman sedia ada.

PROGRAM PENCEGAHAN DALAM MEMBENDUNG ISU KEHAMILAN LUAR NIKAH

Selain undang-undang sekatan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia, program-program sosial turut sama membantu dalam usaha mencegah kesalahan yang membawa kepada peningkatan kelahiran anak tidak sah taraf dan pembuangan bayi. Penyelidikan daripada negara-negara barat tentang implikasi hamil luar nikah dan isu buang bayi jelas menunjukkan betapa undang-undang tidak menawarkan jawapan kepada permasalahan tersebut. Kajian yang dijalankan di University of California Berkeley dalam 13 bahasa menunjukkan bahawa pencegahan dalam bentuk program-program pencegahan dan intervensi lebih berkesan berbanding pelaksanaan undang-undang semata-mata. Di barat, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengurangkan kes kehamilan luar nikah. Salah satu contoh program yang agak efektif di Amerika Syarikat ialah program *Temporary Assistance for Needy Families* (TNAF). Ehrhardt dan Spar (2001)³⁶ melaporkan beberapa aktiviti yang dikendalikan di bawah TNAF bagi mengurangkan kadar kehamilan luar nikah. Antaranya, melalui aktiviti perubahan kepada kurikulum pendidikan seks, intervensi untuk lelaki, pendidikan keibubapaan, dan beberapa lagi aktiviti lain. Berpandukan kepada program itu, setiap negeri mempunyai sasaran masing-masing untuk mengurangkan kadar kelahiran anak luar nikah. Data yang dikumpulkan menunjukkan kadar kelahiran anak luar nikah daripada seluruh kelahiran telah berkurangan dengan pelaksanaan program tersebut. Sebagai contoh, kadar kelahiran luar nikah di Arizona telah turun daripada 35% antara tahun 1999 hingga tahun 2000 kepada 25% antara tahun 2004 hingga tahun 2005. Negeri-negeri lain seperti Florida dan Virginia juga menunjukkan penurunan.³⁷ Senario ini menunjukkan bahawa undang-undang sahaja tidak cukup untuk mengawal masalah sosial dalam kalangan remaja dan isu jenayah pembuangan bayi.

Di Malaysia, program-program yang khusus dan serius sebagaimana di Amerika dan Sweden dilihat kurang meluas. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan beberapa program berkaitan pernah dijalankan oleh NGO (seperti Focus on the Family Malaysia) atau kerajaan (seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga LPPKN). Kerajaan Malaysia mendapat kerjasama pihak NGO memulakan kempen bagi remaja perempuan yang masih di peringkat sekolah terhadap perkara yang berhubungan dengan keseksualan³⁸ untuk memerangi peningkatan kelahiran anak luar nikah dan jenayah buang bayi. Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun, Kementerian tersebut mempunyai tujuh program yang merangkumi Dasar Negara dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi.³⁹

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan satu program “Generasiku Sayang” peringkat kebangsaan yang bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak agar mengambil tindakan yang lebih berkesan dalam menghadapi isu wanita dan remaja hamil. Menerusi program itu, Kementerian Kesihatan menyediakan pusat jagaan yang memberikan perlindungan dan penjagaan kepada remaja serta wanita hamil luar nikah selain bayi yang bakal dilahirkan. Hasil tinjauan penulis, ketika ini pusat penjagaan Generasiku Sayang telah diwujudkan di semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Pahang. Oleh itu, program-program sosial di atas mampu mencegah perbuatan zina yang menyebabkan kehamilan dan kelahiran anak luar nikah dalam kalangan remaja di samping melindungi bayi yang bakal dilahirkan dalam mencapai hasrat kerajaan untuk memperkasakan hak kanak-kanak di Malaysia.

KESIMPULAN

Dalam menghadapi realiti yang mencabar seperti mana soal perzinaan, kehamilan luar nikah dan kelahiran anak tidak sah taraf di Malaysia, undang-undang yang cukup berkesan amat diperlukan. Syarat ini belum dapat dipenuhi oleh Undang-undang Jenayah Syariah. Peruntukan-peruntukan yang terdapat dalamnya tidak mampu memberikan kejutan kepada masyarakat terhadap hukuman yang ada. Sebagaimana umum mengetahui, undang-undang jenayah secara umumnya lebih menitikberatkan hukuman. Walaupun hukuman tersebut mempunyai objektif pencegahan, pemulihan dan sebagainya, akan tetapi ia tetap bersifat hukuman dan bukannya penyelesaian secara menyeluruh. Hal demikian membawa maksud bahawa hukuman tersebut bukan bersifat mendidik, kawalan sosial dan sebagainya dalam pengertian yang formal. Apa yang boleh dimainkan oleh undang-undang berkenaan hanyalah peranan kecil yang bersifat pinggiran. Maksudnya, sebagai faktor yang membantu usaha-usaha lain, misalnya aspek pendidikan masyarakat, dan kawalan masyarakat. Malah, undang-undang jenayah konvensional dilihat mempunyai bidang kuasa yang lebih meluas. Oleh itu, program-program yang khusus dan serius di bawah NGO dan di pihak kerajaan sendiri perlu diperkasakan sebagai pencegahan masalah sosial, terutama berkaitan salah laku seksual dan kehamilan luar nikah dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

NOTA

- ¹ Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, Noorhasliza Mohd Nordin. 2012. Hamil Luar Nikah dikalangan Remaja, *Journal of Sciences and Humanities*, Vol. 7, No. 1, 2012, hlm. 131-140.
- ² Omar, K., Hasim, S., Muhammad, N.A., Jaffar, A., Hashim, S.M. & Siraj, H.H. 2006. Adolescent pregnancy outcomes and risk factors in Malaysia, *International Journal of Gynecology & Obstetrics*, 111 (3), 2006, hlm. 220-223.
- ³ Adibah Abdul Rahim. 2014. General Overview on The Study of Islamic Ethics, dalam *Islamic Ethics and Character Building*, ed. Fatimah Abdullah, (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2014, hlm. 39.
- ⁴ Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rezki Perdani Sawai, Mohd Shahrul Faizie Zaini, Allawati Kasri. 2014. Pendekatan dakwah melalui 'Konsep Cinta Muslim' dalam menangani masalah sosial remaja, *al-Hikmah*, Vol. 6, 2014, hlm. 21-34.
- ⁵ Eva Susanti. 2000. Pentingnya pendidikan seks untuk remaja dan implikasinya bagi pencegahan HIV/AIDS, *SIGAI, Jurnal Sosiologi*, 1(1), 2000, hlm. 50-62.
- ⁶ Mustafa Afifi Ab Halim, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Rezki Perdani Sawai, Nurhafizah Muhd Shukor, Dini Farhana Baharuddin, Joki Perdani Sawai & Abd Halim Mohd Hussin. 2013. Bayi yang dibuang: Hak dan Kedudukan Bayi di Sisi Undang-undang. *Malayan Law Journal*, Vol. 5, 2013, hlm. 5-10.
- ⁷ Jolley S. 2001. Promoting teenage sexual health: An investigation into the knowledge, activities and perceptions of gynaecology nurse, *Journal of Advanced Nursing*, Vol. 36 (2), 2001, hlm. 246-255.
- ⁸ Siti Zubaidah Ismail. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*, Cet. 1., Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2017, hlm. 120.
- ⁹ Abdessamad, D. 1998. Moroccan Youth, Sex and Islam, *Middle East Report, Power and Sexuality in the Middle East*, vol. 206, 1998, hlm. 16-17; McCree, D. H., Wingood, G. M., Diclemente, R., Davies. S. & Hirtington, K. F.. 2003. Religiosity and risky sexual behavior in African-American adolescent females, *Journal of Adolescent Health*, Vol. 33, 2003, hlm. 12-8.
- ¹⁰ Dixon-Mueller, R. 2009. Starting young: Sexual initiation and HIV prevention in early adolescence, *AIDS Behavior*, vol. 13, 2009, hlm. 100-109.
- ¹¹ Jejeebhoy, S. J., Shah, I. & Thapa, S. 2005. *Sex without consent: Young people in developing countries*, New York; London: Zed Books, 2005.
- ¹² Hindin, M.J. & Fatusi, A.O. 2009. Adolescent Sexual and Reproductive Health in Developing Countries: An Overview of Trends and Interventions, *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, vol. 35 (2), 2009, hlm. 58-62.
- ¹³ Mohd Satar Sabran. 2003. *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*, Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2003.
- ¹⁴ Pak, J. 2010. Growing problem of abandoned babies in Malaysia. BBC News Asia-Pacific. 21st August 2010 (on-line) <http://www.bbc.co.uk/news/world-asia-pacific-11050427> (20 Januari 2012).
- ¹⁵ Utusan Melayu Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/kaedah-selesaikan-8232-isu-pembuangan-bayi-1.430352#ixzz4qBFKRm8i> (19 Ogos 2017).
- ¹⁶ Utaranews, *Sehari 50 kes hamil luar nikah dan buang bayi dicatatkan di Malaysia*, <http://utaranews.com/2017/01/sehari-50-kes-hamil-luar-nikah-dan-buang-bayi-dicatatkan-di-malaysia.html/> (14 Januari 2017).
- ¹⁷ Abd. Ghani Ahmad, Nuarrual Hilal Md. Dahlan. 2016. Kewajipan menanggung nafkah anak tak sah taraf: satu kajian kes di negeri Kedah, *KANUN*, vol. 28(2) 2016, hlm. 215.
- ¹⁸ Berita Harian Online, 21 Mac 2013.
- ¹⁹ Lukman Z. Mohamad. 2006. Children in prostitutions a study of young women in the rehabilitation centres in Malaysia, tesis PHD, Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia 2006.
- ²⁰ Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid. 2008. Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga: Isu Dan Cabaran. Kertas kerja Seminar Kaunseling Keluarga, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2008.
- ²¹ Sila rujuk Seksyen 50 Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992.
- ²² Lihat Seksyen 53 dan 54(2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9 Tahun 1995 (EJSS 2003).
- ²³ Lihat juga Akta/Enakmen/Ordinan berkenaan penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan dan kuasa mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan; Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, Bahagian VIII Seksyen 54 dan 56. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah

- (Negeri Pulau Pinang) 1996 Bahagian VIII, Seksyen 54 dan 56. Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2013 Bahagian VIII, Seksyen 50 dan Seksyen 52. Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah, Undang-Undang Sarawak 2001 Bahagian VIII Seksyen 51 dan Seksyen 53.
- ²⁴ Sila rujuk Seksyen 60 dan 75 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.
- ²⁵ Sila rujuk Seksyen 75 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.
- ²⁶ Sila rujuk Seksyen 16, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985.
- ²⁷ Hanya terdapat beberapa negeri yang memperuntukkan bagi kesalahan hamil luar nikah iaitu; Perlis, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan, Melaka dan Sabah. Manakala negeri lain tiada memperuntukkan kesalahan tersebut.
- ²⁸ [2004] CLJ (Sya) 487, MTS Melaka.
- ²⁹ Statistik diperoleh dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Data ini dijana melalui sistem SPKMS bermula 1 Januari 2013 sehingga 2 Oktober 2017. Dokumentasi yang dijalankan oleh penulis pada 6 September 2017 di JKSM Putrajaya.
- ³⁰ Statistik diperoleh dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Data ini dijana melalui sistem SPKMS bermula 1 Januari 2013 sehingga 2 Oktober 2017. Dokumentasi yang dijalankan oleh penulis pada 6 September 2017 di JKSM Putrajaya.
- ³¹ Siti Zubaidah Ismail. 2011. Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah, *Shariah Law Report* vol. 4, 2011, hlm. 26.
- ³² Anita Abdul Rahim, *et al.*, 1992. Hukuman bagi Kesalahan Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, vol. 16, 2012, hlm. 29-42.
- ³³ Jasri Jamal, Hasnizam Hashim. 2016. Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-negeri, *Malaysian Journal of Syariah and Law*, vol. 4, 2016.
- ³⁵ Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1997, hlm. 10.
- ³⁶ Ehrhart, B & Spar, K. 2001. Welfare Reform: TNAF Activities to Reduce Nonmarital Pregnancy, CRS Report for Congress, Order Cone RL31219, Congress Research Service, Library of Congress, December 18.
- ³⁷ Ehrhart, B & Spar, K 2001. Welfare Reform: TNAF Activities to Reduce Nonmarital Pregnancy, CRS Report for Congress, Order Cone RL31219, Congress Research Service, Library of Congress, December 18.
- ³⁸ Hindin, M.J. & Fatusi, A.O. 2009. Adolescent Sexual and Reproductive Health in Developing Countries: An Overview of Trends and Interventions, *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, Vol. 35 (2), 2009, hlm. 58-62.
- ³⁹ Glasier, A., Gulmezoglu, A. M., Schmid, G. P., Moreno, C. G. & Van, L. P. F. 2006. Sexual and reproductive health: a matter of life and death, *The Lancet*, 368, 9547, 2006, hlm. 1595-1607.

RUJUKAN

- Adibah Abdul Rahim. 2014. General Overview on The Study of Islamic Ethics. Dlm. *Islamic Ethics and Character Building*. Fatimah Abdullah (pnyt.). Kuala Lumpur: IIUM Press, 2014.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Anita Abdul Rahim et al. 2012. Hukuman bagi Kesalahan Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 16: 29-42.
- Laman Selangor Kini: Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). <http://bm.selangorku.com/74663/tangkapan-kes-berkaitan-zina-lebih-banyak-daripada-arak/>. Tarikh akses: 12 Jun 2017.
- Dixon-Mueller, R. 2009. Starting young: Sexual initiation and HIV prevention in early adolescence. *AIDS Behavior* 13: 100-109.

- Ehrhart, B & Spar, K. 2001. Welfare Reform: TNAF Activities to Reduce Nonmarital Pregnancy, CRS Report for Congress, Order Cone RL31219, Congress Research Service, Library of Congress, December 18.
- Eva Susanti. 2000. Pentingnya pendidikan seks untuk remaja dan implikasinya bagi pencegahan HIV/AIDS. *SIGAI, Jurnal Sosiologi* 1(1): 50-62.
- Glasier, A., Gulmezoglu, A. M., Schmid, G. P., Moreno, C. G. & Van, L. P. F. 2006. Sexual and reproductive health: a matter of life and death. *The Lancet* 368, 9547, 1595-1607.
- Hindin, M.J. & Fatusi, A.O. 2009. Adolescent Sexual and Reproductive Health in Developing Countries: An Overview of Trends and Interventions. *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health* 35 (2): 58-62.
- Jasri Jamal, Hasnizam Hashim. 2016. Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-negeri. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 4: 1-16.
- Jejeebhoy, S. J., Shah, I. & Thapa, S. 2005. *Sex without consent: Young people in developing countries*. New York, London: Zed Books.
- Jolley S. 2001. Promoting teenage sexual health: An investigation into the knowledge, activities and perceptions of gynaecology nurse. *Journal of Advanced Nursing* 36(2): 246-255.
- Lukman Z. Mohamad. 2006. Children in prostitutions a study of young women in the rehabilitation centres in Malaysia. Tesis Dr. Fal., Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Makiah Tussaripah Jamil, Abdul Mukti Baharudin & Hisam Satari. 2012. Pengguguran Bayi Menurut Perspektif Islam dan Perundangan di Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah* 2: 69-82.
- McCree, D. H., Wingood, G. M., Diclemente, R., Davies. S. & Hirtington, K. F. 2003. Religiosity and risky sexual behavior in African-American adolescent females. *Journal of Adolescent Health* 33: 2-8.
- Mohd Satar Sabran. 2003. *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Al-Adib Samuri & Noor Aziah Mohd. Awal. 2009. Hukuman terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan? *Jurnal Undang-undang* 13: 35-54.
- Mustafa Afifi Ab Halim, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Rezki Perdani Sawai, Nurhafizah Muhd Shukor, Dini Farhana Baharuddin, Joki Perdani Sawai & Abd Halim Mohd Hussin. 2013. Bayi yang dibuang: Hak dan Kedudukan Bayi di Sisi Undang-undang. *Malayan Law Journal* 5: 5-10.
- Omar, K., Hasim, S., Muhammad, N.A., Jaffar, A., Hashim, S.M. & Siraj, H.H. 2006. Adolescent pregnancy outcomes and risk factors in Malaysia. *International Journal of Gynecology & Obstetrics* 111 (3): 220-223.
- Orphan Care Children. n.d. *Every Child Needs a Family*. <http://www.hati.my/children/orphancare/>. Tarikh akses 21 Julai 2016.
- Pak, J. 2010. Growing problem of abandoned babies in Malaysia. BBC News Asia-Pacific. 21st August 2010 (on-line) http://www.bbc.co.uk/news/world-asia-pacific_11050427. Tarikh akses 20 Januari 2012.
- Siti Zubaidah Ismail. 2011. Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. Dlm. *Shariah Law Report* 4.
- Siti Zubaidah Ismail. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rezki Perdani Sawai, Mohd Shahrul Faizie Zaini, Allawati Kasri. 2014. Pendekatan dakwah melalui ‘Konsep Cinta Muslim’ dalam menangani masalah sosial remaja. *al-Hikmah* 6: 21-34.

Utaranews. Sehari 50 kes hamil luar nikah dan buang bayi dicatatkan di Malaysia. <http://utaranews.com/2017/01/sehari-50-kes-hamil-luar-nikah-dan-buang-bayi-dicatatkan-di-malaysia.html/>. Tarikh akses 14 Januari 2017.

Utusan Melayu Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/kaedah-selesaikan-8232-isu-pembuangan-bayi-1.430352#ixzz4qBfKRm8i>. Tarikh akses: 19 Ogos 2017.

Adibah Bahori
Jabatan Syariah dan Undang-undang
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Emel: putriaufa@yahoo.com

Profesor Madya Dr. Siti Zubaidah Ismail
Jabatan Syariah dan Undang-undang
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Emel: szubaida@um.edu.my